



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 8, August 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocalsciences.com

Kesan Peningkatan Harga Pelitup Mulut dan Hidung Kepada Pengguna Semasa Pandemik COVID-19

Najwa Alwi¹, Nor Ashiqin Mohd Tahir¹, Mohamad Izzuan Mohd Ishar¹

¹Sekolah Pendidikan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Correspondence: Najwa Alwi (najwa.alwi@graduate.utm.my)

Abstrak

Pandemik COVID-19 ini bukan sahaja semakin hari semakin membimbangkan, malahan langkah penjagaan juga perlu diberi perhatian dan dititikberatkan oleh semua pihak dengan mendapatkan kit pencegahan virus seperti pelitup mulut dan hidung, cecair pembasmi kuman, pengesan suhu badan, penyembur udara dan tisu basah anti bakteria. Kajian ini mengkaji kesan peningkatan harga pelitup mulut dan hidung kepada pengguna semasa pandemik COVID-19. Kajian yang dijalankan melalui edaran borang soal selidik secara atas talian kepada seluruh warga Malaysia sebagai sasaran kajian. Terdapat 50 responden yang menjawab borang soal selidik tersebut iaitu 26 orang responden lelaki dan 24 orang responden perempuan. Keputusan daripada kajian tersebut telah menunjukkan bahawa akibat peningkatan harga pelitup mulut dan hidung telah memberi kesan yang mendalam kepada pengguna. 70% responden telah mengatakan mereka merasa terbeban dengan peningkatan harga pelitup mulut dan hidung.

Kata kunci: COVID-19, pelitup mulut dan hidung, pengguna

The Effect of Increasing the Price of Mouth and Nose Masks on Consumer During Pandemic COVID-19

Abstract

Pandemic COVID-19 is not only becoming more and more worrying but also care measures should be given attention and emphasized by all parties by getting virus prevention kits such as mouth and nose masks, disinfectants, body temperature detectors, air sprayers, and anti-bacterial wet tissues. This study examines the effect of the increase in the price of mouth and nose masks on consumers during the COVID-19 Pandemic. The study was conducted through the distribution of questionnaires online to all Malaysians as the target of the study. 50 respondents answered the questionnaire, namely 26 male respondents and 24 female respondents. The results of the study have shown that the increase in the price of mouth and nose masks has had a profound effect on consumers. 70% of respondents have said they feel burdened by the rising price of mouth and nose masks.

Keywords: COVID-19, mouth and nose masks, consumer

Pengenalan

Seluruh dunia telah digemparkan dengan kemunculan berita mengenai krisis pandemik COVID-19 menjelang hujung tahun 2019. Pandemik COVID-19 merupakan sejenis penyakit yang berjangkit yang disebabkan oleh satu virus baru yang kini sedang menimpa seluruh dunia. Tambahan pula, majoriti pesakit yang dijangkiti oleh COVID-19 ini akan mengalami gejala kesukaran untuk bernafas sehingga memerlukan rawatan khas seperti alat bantuan pernafasan sekiranya mengalami masalah pernafasan yang teruk. Di samping itu, semua pesakit yang terdiri daripada golongan warga tua dan mempunyai masalah kesihatan yang lain seperti penyakit jantung, diabetes, penyakit pernafasan kronik yang menjadikan pandemik COVID-19 ini lebih serius kepada mereka (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 2020). Kemunculan krisis pandemik COVID-19 ini dilihat semakin hari semakin membimbangkan di mana jumlah kes yang direkodkan bagi seluruh negara semakin hari semakin meningkat bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Sehubungan dengan itu, negara Malaysia juga turut tidak terkecuali dengan penularan pandemik COVID-19 ini. Menurut statistik terkini daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia 2020, sehingga tarikh 14 Jun 2020 dianggarkan hampir 7.7 juta orang telah disahkan positif COVID-19 dan telah menyebabkan kematian sehingga 427,630 orang di seluruh dunia (Pertubuhan Kesihatan Sedunia, 2020). Di samping itu, pihak kerajaan telah mengambil langkah drastik untuk mengekang penularan pandemik COVID-19. Perintah berkurung telah dilaksanakan secara meluas di seluruh dunia untuk membendung penyebaran virus ini termasuk sekatan perjalanan dan penutupan sempadan, perintah tinggal di rumah, arahan bekerja dari rumah dan penutupan perniagaan.

Pandemik COVID-19 ini bukan sahaja semakin hari semakin membimbangkan, malahan langkah penjagaan juga perlu diberi perhatian dan dititikberatkan oleh semua pihak. Hal ini demikian kerana, dengan mengamalkan langkah penjagaan yang rapi dapat memastikan tiada penularan pandemik COVID-19 yang sangat bahaya daripada berlaku. Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing bagi memastikan penjagaan yang rapi dapat dilakukan untuk mencegah penularan pandemik COVID-19 ini. Sehubungan dengan itu, antara inisiatif yang boleh dilakukan oleh semua pihak untuk mencegah penularan pandemik COVID-19 adalah dengan mendapatkan kit pencegahan virus seperti pelitup mulut dan hidung, cecair pembasmi kuman, pengesan suhu badan, penyembur udara dan tisu basah anti bakteria. Inisiatif ini sangat diberi penekanan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia iaitu Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah. Hal ini kerana, inisiatif tersebut dapat membantu untuk mencegah penularan pandemik COVID-19 daripada terus menular dan mencetuskan kebimbangan di kalangan masyarakat.

Namun demikian, terdapat segelintir pihak yang mengambil mudah terhadap krisis pandemik COVID-19 ini terutamanya pihak peniaga kerana mereka dengan sengaja menjual pelitup hidung dan mulut dengan harga yang tidak masuk akal atau menjual dengan harga yang melebihi daripada harga kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Isu mengenai penjualan pelitup mulut dan hidung dengan harga yang sangat tinggi dan tidak masuk akal bukanlah satu isu yang biasa. Hal ini kerana, isu tersebut sedang hangat di perbincangkan di media-media massa semasa tempoh pandemik COVID-19 ini berlaku.

Objektif

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti kesan yang dihadapi oleh pengguna akibat peningkatan harga pelitup mulut dan hidung semasa Pandemik COVID-19.

Kajian Literatur

Tajuk berkaitan dengan penularan COVID-19 ini sedang hangat diperkatakan sekarang. Menurut Bhukhari dan Subri (2020), pandemik COVID-19 yang melanda negara pada penghujung bulan Februari 2020 amat memberi kesan terhadap negara. Ia bukan sahaja melanda negara kita, Malaysia bahkan turut menerima tempas yang sama pada hampir seluruh negara dalam dunia ini. Wabak

berjangkit ini telah dilaporkan bermula tersebar di wilayah Wuhan, China yang kemudiannya mula merebak ke seluruh dunia termasuklah Malaysia pada penghujung tahun 2019.

Namun, terdapat satu kajian sahaja yang mengenai harga pelitup mulut dan hidung di mana kajian tersebut dijalankan di Indonesia. Menurut Fatimah (2020), masyarakat melakukan pembelian cemas (*panic buying*) sehinggakan mencetus ketidakstabilan harga pelitup hidung dan mulut dan akibat permintaan yang tinggi, harga pelitup muka menjadi semakin mahal. Mengetahui tentang kewujudan COVID-19, pihak peniaga yang mempunyai pemikiran mementingkan diri sendiri dan ingin mendapatkan manfaat daripada wabak virus ini, mengambil kesempatan untuk menjual pelitup muka dengan harga yang mahal tidak masuk akal.

Metod Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian deskriptif. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dan borang soal selidik sebagai instrumen. Sasaran responden bagi kajian ini adalah pengguna pelitup mulut dan hidung. Maklumat tersebut kemudian dianalisis bagi menjawab persoalan kajian ini. Borang soal selidik diedarkan secara atas talian melalui aplikasi Whatsapp. Seramai 50 orang responden yang merupakan pengguna pelitup mulut dan hidung telah menjawab borang soal selidik ini. Borang soal selidik ini menggunakan skor skala Likert dari 1 hingga 4 iaitu 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (setuju) dan 4 (sangat setuju).


Hasil Kajian

Demografi responden

Bagi menceritakan latar belakang responden, maklumat responden penting dalam kajian kerana maklumat responden menceritakan maklumat dan latar belakang responden untuk kajian. Latar belakang responden yang berbeza dapat memberi pandangan yang unik dan menarik terhadap isu perbincangan. Antara maklumat responden yang dikaji dalam kajian ini adalah jantina, umur, penempatan dan pekerjaan.

Carta 1 menunjukkan jumlah peratusan responden dalam soal selidik kajian ini. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 26 orang lelaki dan 24 orang perempuan. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 50 orang pengguna yang menggunakan pelitup mulut dan hidung. Seramai 52.9% adalah responden lelaki manakala 47.1% yang lain adalah responden perempuan. Carta ini menunjukkan terdapat peratusan responden lelaki yang lebih ramai berbanding responden perempuan.


Carta 1: Jantina



Carta 2 menunjukkan perbezaan umur responden. Dalam kajian ini, terdapat lima perbezaan tahap umur responden iaitu 17-20 tahun, 21-30 tahun, 31-40 tahun, 41-50 tahun dan 50 tahun dan ke atas. Peratus umur 31-40 tahun merupakan jumlah responden yang paling ramai iaitu sebanyak 43.1% manakala bagi responden yang berumur 21-30 tahun adalah sebanyak 21.6%. Bagi responden yang berumur 17-20 tahun dan 41-50 tahun pula menunjukkan peratusan yang sama iaitu 17.6% manakala


bagi responden yang berumur 50 tahun dan ke atas menunjukkan peratusan sebanyak 0%. Hal ini dapat dijelaskan bahawa pengguna yang berumur 31-40 tahun adalah yang paling ramai membeli pelitup mulut dan hidung.

Carta 2 : Umur




Carta 3 menunjukkan perbezaan penempatan responden. Jumlah peratusan yang paling tinggi adalah responden yang tinggal di kawasan bandar iaitu sebanyak 54.9% manakala responden yang tinggal di kawasan luar bandar menunjukkan peratusan sebanyak 45.1%. Hal ini dapat dijelaskan bahawa ramai responden dalam kajian ini yang tinggal di kawasan bandar.

Carta 3 : Penempatan



Carta 4 menunjukkan perbezaan pekerjaan responden. Dalam kajian ini, terdapat lima jenis taraf pekerjaan responden iaitu sektor kerajaan, sektor swasta, bekerja sendiri, tidak bekerja dan pelajar. Peratus pekerja sektor kerajaan merupakan jumlah responden yang paling ramai iaitu sebanyak 27.5% manakala pekerja sektor swasta dan bekerja sendiri menunjukkan peratusan yang sama iaitu sebanyak 21.6%. Bagi responden yang dalam golongan pelajar menunjukkan peratusan sebanyak 17.6% manakala jumlah peratusan yang paling sedikit adalah daripada golongan yang tidak bekerja iaitu sebanyak 11.8%. Hal ini dapat dijelaskan bahawa ramai responden dalam kajian ini adalah yang bekerja dalam sektor kerajaan.

Carta 4 : Pekerjaan




Maklum Balas Kesan yang Dihadapi oleh Pengguna Akibat Peningkatan Harga Pelitup Mulut dan Hidung Semasa Pandemik COVID-19

Bagi mengkaji kesan peningkatan harga pelitup mulut dan hidung kepada pengguna semasa pandemik COVID-19, sebanyak lapan (8) item soalan telah dibina secara dalam talian dan perlu dijawab oleh responden bagi memudahkan kajian ini dijalankan.


Carta 5 menunjukkan peratusan kepentingan pelitup mulut dan hidung semasa pandemik COVID-19. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 74% responden sangat setuju bahawa pelitup mulut dan hidung amat penting semasa pandemik COVID-19 manakala sebanyak 26% responden setuju bahawa pelitup mulut dan hidung amat penting semasa pandemik COVID-19. Hal ini kerana, pelitup mulut dan hidung amat penting semasa pandemik COVID-19.

Carta 5: Maklumat Terhadap Kepentingan Pelitup Mulut dan Hidung




Carta 6 menunjukkan peratusan keperluan pelitup mulut dan hidung semasa pandemik COVID-19. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 82% responden sangat setuju bahawa pelitup mulut dan hidung merupakan satu keperluan semasa pandemik COVID-19 manakala sebanyak 18% responden setuju bahawa pelitup mulut dan hidung merupakan satu keperluan semasa pandemik COVID-19. Hal ini kerana, pelitup mulut dan hidung merupakan satu keperluan semasa pandemik COVID-19.

Carta 6: Maklumat Terhadap Keperluan Pelitup Mulut dan Hidung




Carta 7 menunjukkan peratusan menukar pelitup mulut dan hidung pada setiap hari. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 76% responden sangat setuju bahawa menukar pelitup mulut dan hidung pada setiap hari merupakan satu keperluan manakala sebanyak 24% responden setuju bahawa menukar pelitup mulut dan hidung pada setiap hari merupakan satu keperluan. Hal ini kerana, menukar pelitup mulut dan hidung pada setiap hari merupakan satu keperluan.

Carta 7: Maklumat Terhadap Pertukaran Pelitup Mulut dan Hidung Setiap Hari




Carta 8 menunjukkan peratusan saranan memakai pelitup mulut dan hidung 3 lapis. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden sebanyak 74% responden sangat setuju bahawa memakai pelitup mulut dan hidung tiga lapis adalah disarankan manakala sebanyak 26% responden setuju bahawa memakai pelitup mulut dan hidung 3 lapis adalah disarankan. Hal ini kerana, memakai pelitup mulut dan hidung 3 lapis adalah sangat disarankan.

Carta 8: Maklumat Terhadap Saranan Pelitup Mulut dan Hidung 3 Lapis




Carta 9 menunjukkan peratusan harga pelitup mulut dan hidung memainkan peranan penting dan perlu dititikberatkan. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden sebanyak 70% responden sangat setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung memainkan peranan penting dan perlu dititikberatkan manakala sebanyak 30% responden setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung memainkan peranan penting dan perlu dititikberatkan. Hal ini kerana, harga pelitup mulut dan hidung sangat penting dan perlu dititikberatkan oleh semua peniaga.

Carta 9: Maklumat Terhadap Peranan Penting Harga Pelitup Mulut dan Hidung




Carta 10 menunjukkan peratusan harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran agak mahal. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 70% responden sangat setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah agak mahal manakala sebanyak 28% responden setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah agak mahal. Selain itu, sebanyak 2% responden tidak setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah agak mahal. Hal ini kerana, terdapat sebilangan peniaga yang menjual pelitup mulut dan hidung mengikut harga kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Namun, kebanyakannya peniaga menjual pelitup mulut dan hidung pada harga yang agak mahal.

Carta 10: Maklumat Terhadap Harga Pelitup Mulut dan Hidung yang dijual di Pasaran Mahal




Carta 11 menunjukkan peratusan harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran tidak mengikut harga kawalan oleh pihak kerajaan. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 78% responden sangat setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran tidak mengikut harga kawalan oleh pihak kerajaan manakala sebanyak 22% responden setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran tidak mengikut harga kawalan oleh pihak kerajaan. Hal ini kerana, harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah sangat mahal dan tidak dijual mengikut harga kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Carta 11: Maklumat Terhadap Harga Pelitup Mulut dan Hidung yang dijual di Pasaran Tidak Mengikuti Harga Kawalan Oleh Pihak Kerajaan



Carta 12 menunjukkan peratusan pengguna yang terbeban kerana harus membeli pelitup mulut dan hidung yang mahal. Menurut soal selidik yang dijawab oleh responden, sebanyak 70% responden sangat setuju bahawa mereka rasa terbeban kerana harus membeli pelitup mulut dan hidung pada harga yang mahal manakala sebanyak 26% responden setuju bahawa mereka rasa terbeban kerana harus membeli pelitup mulut dan hidung pada harga yang mahal. Selain itu, sebanyak 4% responden tidak setuju bahawa mereka rasa terbeban kerana harus membeli pelitup mulut dan hidung pada harga yang mahal.

Carta 12: Maklumat Terhadap Bebanan Pengguna Untuk Membeli Pelitup Mulut dan Hidung Yang Mahal



Perbincangan

Objektif utama penyelidikan ini adalah untuk mengetahui kesan peningkatan harga pelitup mulut dan hidung kepada pengguna semasa pandemik COVID-19. Bagi menjalankan kajian ini, sebanyak 12 item soalan telah dibuat dan diedarkan kepada pengguna pelitup mulut dan hidung secara atas talian melalui aplikasi Whatsapp. Seramai 50 orang responden telah menjawab soal selidik ini iaitu seramai 26 orang adalah responden lelaki manakala seramai 24 orang adalah responden perempuan. Melalui kaedah ini, kajian dapat membuktikan bahawa seramai 50 orang responden sangat setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah sangat mahal dan tidak mengikut harga kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Dari tinjauan literatur, kesan peningkatan harga pelitup mulut dan hidung adalah disebabkan oleh masyarakat melakukan pembelian cemas (*panic buying*) sehingga mencetuskan ketidakstabilan harga pelitup mulut dan hidung. Seterusnya, mengakibatkan permintaan yang tinggi terhadap pelitup mulut dan hidung yang menyebabkan harga pelitup mulut dan hidung menjadi semakin mahal (Fatimah, 2020). Mengetahui tentang kewujudan pandemik COVID-19, pihak peniaga yang mempunyai pemikiran yang mementingkan diri sendiri dan ingin mendapatkan manfaat daripada wabak COVID-19 ini, mereka mengambil kesempatan dengan menjual pelitup mulut dan hidung dengan harga yang mahal dan tidak masuk akal. Kajian ini telah membuktikan bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah sangat mahal. Hal ini kerana, seramai 70% responden sangat setuju dan seramai 28% responden setuju bahawa harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah sangat mahal serta seramai 78% responden sangat setuju dan seramai 22% responden setuju bahawa

harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran adalah tidak mengikut harga kawalan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan.

Kesimpulan

Kemunculan pandemik COVID-19 ini secara tidak langsung telah mendorong kepada gangguan sosioekonomi global. Hal ini kerana, wabak pandemik COVID-19 ini bukan satu wabak penyakit yang boleh diramalkan bila akan berakhir dan bagaimana keadaan pada masa akan datang. Dalam menghadapi norma baharu ini, terdapat banyak isu dan masalah terutamanya mengenai harga pelitup mulut dan hidung. Sebagai pengguna yang bijak, kita mestilah mempunyai pemikiran yang waras untuk membuat pilihan dan membuat sesuatu tindakan. Pengguna mestilah bijak dalam membuat pilihan ketika membeli pelitup mulut dan hidung iaitu dengan membuat perbandingan harga pelitup mulut dan hidung yang dijual di pasaran dengan harga pelitup mulut dan hidung yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Bagi pengguna pula, janganlah sesekali mengambil peluang dan mengambil kesempatan semasa wabak pandemik COVID-19 ini melanda seluruh dunia dengan menjual pelitup mulut dan hidung pada harga yang mahal dan tidak masuk akal untuk meraih keuntungan. Hal ini kerana, pelitup mulut dan hidung merupakan satu keperluan untuk melindungi diri daripada jangkitan virus COVID-19 serta penggunaan pelitup mulut dan hidung dapat mencegah diri daripada penularan wabak pandemik COVID-19. Oleh itu, pelitup mulut dan hidung ini merupakan satu keperluan yang sangat penting dan perlu dititikberatkan oleh semua pihak.

Rujukan

- Bhukhari, A. M., & Subri, I. M. (2020). Mendepani Cabaran Pandemik COVID-19 Di Malaysia: Aplikasi Konsep Murunah Dalam Fiqh Ibadah. Perdana: *International Journal of Academic Research*, 9(1), 11-23.
- Berita Harian (2020), Padah jual topeng muka mahal. Diakses daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/02/654033/padah-jual-topeng-muka-mahal> pada 23 November 2020.
- Harian Metro (2020), Padah naikkan harga topeng muka. Diakses daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/01/540169/padah-naikkan-harga-topeng-muka> pada 23 November 2020.
- Fatimah, I. R. (2020). Dampak Meningkatnya Harga Masker di Tengah Mewabahnya COVID-19 di Kalangan Masyarakat Ditinjau dari Sudut Pandang Tindakan Manusia.
- Sinar Harian (2020), Koronavirus: Harga sekotak topeng muka lebih mahal daripada emas. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/69531/KHAS/Koronavirus/Koronavirus-Harga-sekotak-topeng-muka-lebih-mahal-daripada-emas> pada 23 November 2020.
- Sinar Harian (2020), Peniaga dikompaun RM20000 jual topeng muka mahal. Diakses daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/86689/EDISI/Utara/Peniaga-dikompaun-RM20000-jual-topeng-muka-mahal> pada 23 November 2020.
- Suara Sarawak (2020), Masih ada premis jual mahal topeng muka. Diakses daripada <https://suarasarawak.my/2020/04/10/masih-ada-premis-jual-mahal-topeng-muka/> pada 23 November 2020.
- World Health Organization, diakses daripada https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus2019?gclid=CjwKCAiAgJWABhArEiwAmNVTB_qupz9skQTsipJUmcqs0GvxWltyQW XKw9hb9uDoCO1UhzskDku58BoCBdsQAvD_BwE pada 2 November 2020.